
BIL. 29 MEI 2019

UMP, Volkswagen meterai kerjasama perkasa bidang Au

Universiti teknologi bertaraf lima bintang, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan jenama automotif terbesar memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memaknakan kerjasama strategik dua hala.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Domba Pembuatan (FKMP), Profesor Madya Dr. Nik Mohd Zuki Nik Mohamed menandatangani persefahaman bersama VGM, Danny Auerswald serta Pengurus Volkswagen Pekan, Nor Hayati Othman dalam acara yang berlangsung di Abdul Razak UMP Pekan pada 30 April 2019 yang lalu.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, kerjasama ini bakal memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan pengembangan teknologi di Malaysia khususnya dalam bidang kejuruteraan autotronik dengan tumpuan terhadap program automotif dan elektronik bagi melaungkan negara ini.

"Kolaborasi ini bakal menyaksikan kedua-dua pihak akan bekerjasama erat dalam platform hubungan ini di antara dua institusi dalam bidang penyelidikan termasuklah pertukaran staf, bahan akademik serta program yang dapat diterokai bersama-sama dalam pendidikan teknikal dan vokasional (TVET)," katanya.

Pihak VGM akan berkongsi kepakaran, sumber dan pengetahuan dalam teknologi kejuruteraan Jerman dan pembuatan kereta.

Menerusi perjanjian ini, pihak Volkswagen di Pekan akan menawarkan penempatan latihan industri kepada pelajar luar dewan kuliah. Begitu juga dengan seminar dan bengkel serta kajian penyelidikan berkaitan teknologi berasaskan teknologi baru.

"Kami mengalu-alukan kerjasama ini dan mengharapkan lebih banyak peluang kerjasama dapat dijalankan bersama-sama untuk manfaat menerusi kerjasama ini," ujar Danny Auerswald.

UMP juga tersenarai dalam penarafan subjek terbaik dunia di QS *World University by Subject Ranking* 2019 dalam Pembuatan, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan dan Teknologi yang mana pencapaian ini menyerlahkan peluang pembelajaran di UMP yang sentiasa memberi fokus kepada pelbagai aspek teknikal dan teknologi.

Tambah Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, pelajar berpeluang UMP bagi penempatan latihan industri khususnya dalam bidang berkaitan Kejuruteraan Mekatronik dan Automotif.

"Manakala sokongan pihak Volkswagen terhadap inisiatif akademik dan penyelidikan ini juga bakal pencapaian yang lebih baik.

"UMP semakin terserlah apabila mendapat pengiktirafan dan kepercayaan daripada pelbagai institusi program kejuruteraan bertaraf dunia secara dwi-ijazah dan dwi-sarjana dengan Karlsruhe University of University (RU)," ujar beliau.

Pada masa ini, terdapat empat model kereta yang dijual di Malaysia yang dipasang di kilang Volkswagen P Tiguau manakala turut berada di pasaran Malaysia adalah Golf dan Beetle.

Teater 'Jalan Yang Kalsom Sebuah Muzikal' pikat ha

Oleh: NOOR AFIZA MOHD ASMI, PUSAT SUKAN DAN KEBUDAYAAN UMP

Persembahan mantap mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam pementasan teater 'Jalan Yang Kalsom' dijayakan seramai 60 orang tenaga produksi daripada Kumpulan Teater Senandika dan Kumpulan Tari dan Kesenian UMP berjaya membuatkan hati penonton tersentuh juga menghiburkan pada 14 April 2019 yang lalu.

Gabungan mantap hasil kolaborasi UMP dengan kerjasama Jabatan Penyiaran Negeri Pahang (RTM Pahang) mewujudkan kisah suka duka penghuni Jalan Yang Kalsom di Ipoh, Perak sekitar tahun 70-an.

Cerminan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum dan mengisahkan perjalanan hidup insan-insan dan pengajaran buat semua.

Menurut Penasihat Produksi, Noor Afiza Mohd Asmi, naskhah asal ditulis oleh Syafiq Ziazan dan di pementasan Rizal Ali yang merupakan mahasiswa tahun 3, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

“Keseluruhan tenaga kerja belakang tabir, pelakon dan penari adalah mahasiswa UMP. Manakala pengacara Pahang FM iaitu Izzul, Ain, Hanum dan Fatin.

“Muzik irungan sepanjang pementasan adalah gabungan Kombo RTM Pahang dan Bahagian Kebudayaan Muzik RTM, Anuar Chacho dengan menampilkan dua lagu baharu iaitu ‘Sendiri’ dan ‘Rasa’ serta Original Song JYKSM.

“Turut sama membantu kelancaran produksi adalah Mohd Sharfaril Izwan Md Nor Shahar selaku penerbit Ringan

Ujar Noor Afiza lagi, komitmen mahasiswa amat tinggi tatkala menjalani latihan yang memakan masa banyak kepada muzikal, pembentukan watak, penyediaan *props* dan pentas, pemilihan busana, mengkaji tatarias.

“Pelakon juga memikul tugas yang sangat mencabar dalam mendalami watak masing-masing dan memastikan agar bertepatan dengan jalan cerita.

“Kami juga amat menghargai sokongan warga UMP dan komitmen jabatan lain terutamanya Pusat Sukan Pelajar dan Alumni, Pejabat Naib Canselor, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta, Pusat Teknologi Keselamatan dan Jabatan Bendahari,” ujar beliau.

Bagi Aznorizamin Ismail yang menjalankan tugas-tugas Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan pulih kebolehan mahasiswa yang mampu mengadakan pementasan selama dua jam ini dengan lakonan yang baik dan pengurusan pentas walaupun mereka bukan mempunyai latar belakang berkaitan bidang seni lakonan.

“Apatah lagi mahasiswa mengikuti pengajian berteraskan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi namun katanya.

Sementara itu, bagi penonton yang merupakan aktivis teater dari Anggun Performing Arts Temerloh persembahan mantap daripada mahasiswa UMP dari segi kekuatan lakonan, *props* yang menarik dan jalannya. Sebagai penonton beliau berpuas hati dan sangat terhibur.

Lebih 500 penonton hadir termasuk pelajar Sekolah Kebangsaan Seri Mahkota Kuantan dan hasil pembelian Jagaan Wanita dan Kanak-kanak Casa Harapan.

Turut hadir dalam pementasan adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Timbalan Pengarah Radio Televisyen Malaysia (RTM) Pahang, Rancangan RTM, Jaya Brabu a/l Balasubramaniam.

[Sharing@BookCafe: Baca Sebelum Lebur manfaatkan buku](#)

Oleh: NOORUL FARINA ARIFIN DARIPADA PERPUSTAKAAN UMP

Dalam usaha memupuk budaya membaca dalam kalangan warga kampus, Perpustakaan Universiti Malaya mengadakan aktiviti [Sharing@BookCafe: Baca Sebelum Lebur manfaatkan buku](#) ‘Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit’ dengan mengupas buku-buku kewangan dan pelaburan untuk dikongsi oleh pengunjung.

Program ‘Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit’ diadakan bersempena Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta secara serentak di seluruh Malaysia.

Ia bertepatan dengan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mendorong dan memupuk sikap suka membaca.

Menurut Hajah Siti Aishah yang juga merupakan pengurus blog peribadi UMP berkata, beliau akan merangkul dalam topik yang sama sebelum menulis dan mengulas sesuatu perkara tersebut di dalam blog beliau.

“Untuk rajin membaca, perlu sentiasa membawa buku walau berada di mana-mana supaya masa yang terbuang tidak sia-sia.”

"Tanda komitmen perpustakaan terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan, Perpustakaan akan dalam kalangan warga UMP dan juga komuniti setempat," katanya yang banyak berkongsi dalam blog UMP

Program bermula jam 11.00 pagi dan selama 10 minit telah diperuntukkan untuk membaca dan disusuli de

Sebanyak lima buah buku telah diulas dengan baik dan ringkas. Buku bertajuk 'Revolusi Wang' oleh Alwani penulisan yang santai yang mampu mengetuk akal bagaimana mengurus wang sejak di peringkat belajar la

Manakala buku 'Ibu Bapa Bijak, Anak Mewah' oleh Azizi Ali dan Zaid Mohamad menulis berkaitan tips mendidik anak-anak menjadi lebih pintar dan bertanggungjawab dalam urusan kewangan.

Buku 'Panduan Pelaburan Unit Amanah' oleh Razali Razman pula menerangkan apa itu Unit Amanah yang dana yang betul. Buku ini sangat digalakkan untuk dibaca oleh pelabur sebelum membuat sebarang pelaburan.

Begini juga dengan buku berjudul 'Panduan Lengkap: Pelaburan Saham' oleh Nor Akmar dan 'How You Can Make Money in the Stock Market' oleh Azizi Ali dan Bill Wermine sesuai dibaca bagi yang ingin menceburkan diri dalam pelaburan saham dan menambah ilmu pengetahuan.

Selain itu, Hajah Siti Aishah mengulas daripada pengalaman beliau sendiri, dalam mengelakkan membeli komitmen seperti bayaran bulanan kereta, rumah, duit pengasuh anak-anak dan lain-lain komitmen sedangkan risiko kewangan yang tinggi.

19 mahasiswa UMP kongsi kasih sayang bersama

Seramai 19 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program ‘Spread The Love’ di Fakir Miskin Permata Al-Insyirah, Sungai Isap Kuantan pada 13 April 2019 yang lalu.

Program yang dijalankan di bawah subjek Kokorikulum UQP2071 (Pengurusan Majlis Seksyen 1G) bertujuan untuk menggalakkan dan memberi motivasi kepada anak-anak di rumah berkenaan memandangkan terdapat dalam kala itu 100% kejayaan dalam Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada tahun ini.

Pengarah Program, Muhammad Shafiq Alamin Shafia’l berkata, mereka berasa amat teruja kerana berjaya melaksanakan program bersama anak-anak yatim ini sekali gus dapat memberikan keyakinan bahawa keputusan cemerlang dan berjaya ke menara gading.

“Program ini dapat membentuk semangat kesukarelawan yang tinggi dalam diri mahasiswa di samping itu juga dapat memperkuat persaudaraan bersama penghuni di sini,” ujarnya.

Sementara itu, bagi Jurulatih Pengurusan Majlis, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais yang juga merupakan ahli Persatuan Cinta dan Perpaduan Masyarakat (ICoN) berkata, melalui program ini, pelajar dinilai dari pelbagai aspek termasuklah terhadap diri sendiri dalam menyelesaikan sesuatu masalah di samping dapat mencerahkan segala ilmu yang dipelajari dalam suasana hidup.

“Penganjuran kursus ini juga dapat memberi pendedahan dan pengalaman buat pelajar sekali gus dapat menambah pengetahuan sesuatu majlis terutamanya bersama pihak luar di samping menaikkan lagi semangat buat penghuni menjalani kehidupan seharian,” katanya.

Projek Kilauan Mutiara STARS BPPA-UMP dedah pengalaman

Oleh: MOHD MUKHRIS AWANG DAN NUR SA'ADATUL AFZAN JUSOH, PEJABAT NAIB CANSELOR

Hasil kolaborasi tiga pihak antara Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama pihak sekolah dan industri memberi peluang pelajar sekolah merasai pengalaman menjadi 'mahasiswa' universiti.

Program yang dikendalikan oleh Kelab *InSmartive* UMP dan BP Petronas Acetyls Sdn. Bhd. (BPPA) dengan Alumni (JHEPA) itu telah diadakan pada 20 April 2019 yang lalu di UMP Kampus Pekan.

Program tiga hari itu dikendalikan 30 fasilitator mahasiswa Kelab *InSmartive* dan melibatkan seramai 51 orang pelajar Tingkatan 5 dan 6 Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Engku Bijaya Sura (SMKDEBS), Dungun, Terengganu.

Ia juga menyaksikan penglibatan aktif para peserta dalam pelbagai modul, termasuklah aktiviti kembangan *Global Classroom* dan makmal Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) serta Fakulti Kejuruteraan

"Pelaksanaan semua modul dan aktiviti sepanjang projek ini mendukung tiga objektif utama iaitu pendedaran ilmu akademik, kerjaya dan kehidupan serta pengukuhan semangat kerja berpasukan dalam kalangan peserta. Projek 'gading' yang interaktif," ujar Pengurus Projek yang juga mahasiswa Tahun Satu di Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Antara yang menarik perhatian peserta ialah slot '*Hi Professor!*' yang menampilkan Timbalan Dekan (Akademik) Madya Dr. Hamdan Daniyal yang turut berkongsi perjalanan akademik dan kerjaya beliau serta kepentingan Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan pelajar sekolah kini.

Menurut Pengurus Sumber Manusia & Pentadbiran BPPA, Haji Shamsul Raji Jaafar, kesemua pelajar berkongsi pengalaman yang positif terhadap projek STARS. Beliau turut mengatakan bahawa pelajar-pelajar terpilih sebagai penerima manfaat program STARS, iaitu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BPPA.

Beliau turut menyempurnakan majlis perasmian penutup projek yang berlangsung di Dewan Bankuet Canselor

Muhammad Haikal Danial Mahadi, 13 dan Nurfaizah Insyirah Mohamad Faizol, 13 yang masing-masing menerima hadiah.

sebagai peserta terbaik semasa majlis perasmian penutup program.

Hadir sama Penolong Kanan Pentadbiran SMKDEBS, Che Mohd Yusri Che Hashim, Ketua Penyelidik, Pejabat Kelab *InSmartive*, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab *InSmartive*, Muhammad Aizat A.

Untuk rekod, BPPA, SMKDEBS dan Kelab *InSmartive* juga telah merangka program susulan iaitu Bengkel Sains dan Pelajaran Malaysia (SPM) pada 3 dan 4 Mei 2019 akan datang di UMP Kampus Pekan dengan kerjasama

-
- 110 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

